

07/06/1998

Agong puji usaha pulih ekonomi

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar berpuas hati dengan usaha yang dijalankan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk memulihkan ekonomi negara.

Seri Paduka juga bangga kerana kerajaan mengambil sikap tidak berputus asa dalam usaha memajukan negara.

"Beta sedar bahawa kegawatan ekonomi yang dialami ini akan mengambil masa untuk pulih. Tetapi beta yakin dengan sokongan padu rakyat, masalah ini dapat diatasi.

"Beta juga bangga kerana di dalam keadaan negara menghadapi kegawatan ekonomi ini sekalipun, kerajaan masih mengambil sikap tidak berputus asa dalam usaha memajukan negara," titahnya dalam majlis mengadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena Hari Keputeraan Seri Paduka di Istana Negara, semalam.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, turut hadir. Dalam majlis itu, Tuanku Ja'afar mengurniakan darjah, pingat dan bintang kebesaran kepada 41 penerima daripada 1,952 penerima sempena Hari Keputeraannya ke-76.

Dalam titah ucapannya, Tuanku Ja'afar juga gembira kerana kerajaan terus peka dan prihatin dengan nasib pekerja yang hilang mata pencarian dengan menyediakan pelbagai latihan kecekapan dan kemahiran supaya mereka yang masih produktif dapat mencari kerja lain.

Seri Paduka turut bersyukur kerana walaupun banyak projek pembangunan yang terpaksa ditangguhkan, kerajaan masih terus mengekalkan bantuan kepada golongan memerlukannya seperti bantuan sosial dan kesihatan, program pembangunan rumah kos rendah dan sederhana serta pendidikan.

"Ini tidak patut diketepikan bahkan harus diberi keutamaan kerana ia menjadi satu pelaburan pada masa depan," titahnya.

Rakyat pula, tegas Tuanku Ja'afar, perlu mengekalkan perpaduan bagi membolehkan negara mengharungi pelbagai masalah dengan lebih mudah dan berjaya.

Selain itu, titahnya, institusi keluarga juga memainkan fungsi penting dalam memupuk disiplin, nilai moral dan etika yang baik.

"Elakkan masyarakat kita daripada dihancurkan dengan gejala negatif yang berpunca daripada kegawatan ekonomi. Prinsip kekeluargaan yang berlandaskan agama, di samping adat resam ketimuran haruslah dipupuk dan disemai kerana ini membawa kepada perpaduan dan sekali gus kejayaan negara," titah baginda.

Sementara itu, diplomat asing di negara ini yakin Malaysia mampu menangani kegawatan ekonomi berdasarkan dasar negara yang bijak serta langkah praktikal yang diamalkan.

Wakil diplomatik yang juga Duta Palestin ke Malaysia, Ahmad Al-Farra, berkata pengalaman lalu Malaysia dari segi pertumbuhan ekonomi dan pembangunannya turut menjadi contoh kepada negara lain.

"Kita yakin Malaysia mampu menggunakan keupayaan dan sumbernya bagi merealisasikan Wawasan 2020. Keupayaan itu akan membolehkan Malaysia terus menyumbang kepada kestabilan dan keselamatan bukan saja di rantau ini tetapi juga pada peringkat dunia," katanya.

Menurut Ahmad, sumbangan Malaysia pada peringkat hubungan antarabangsa dan dasar luar negara terus mendapat pujian ramai, termasuk dalam usaha menjalankan reformasi di dalam organisasi antarabangsa.

"Dasar luar Malaysia yang berasaskan keadilan dan semangat kerjasama amat disanjung tinggi dan dikagumi. Malah, Malaysia adalah anggota aktif dalam pergerakan negara berkecuali serta turut terbabit dalam usaha tegas bagi mengeratkan perpaduan sesama negara Islam dan kerjasama Selatan-Selatan," katanya.

(END)